

19/01/1998

Bayaran hospital swasta tidak munasabah

Yang Melenting

SAYA kesal terhadap hospital swasta di Klang yang mengenakan bayaran perubatan terlalu mahal. Baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan hospital swasta lebih prihatin dan tidak mementingkan keuntungan semata-mata.

Saya membawa ibu saya ke hospital swasta itu untuk pemeriksaan buat kali ketiga. Kali pertama, ibu saya menerima rawatan di wad hospital ini kerana darah tinggi yang serius, selama tiga hari. Bayarannya adalah sebanyak RM500.

Selepas tekanan darah ibu saya beransur normal, dia dibawa untuk pemeriksaan kali kedua. Doktor memberi nasihat dan ubat. Bayarannya adalah RM98.

Dua minggu selepas pemeriksaan kedua ibu saya diminta datang lagi untuk pemeriksaan berikutnya. Saya amat terperanjat apabila bil ubatnya berjumlah RM283.10.

Apakah rasionalnya bayaran sedemikian tinggi dikenakan hanya untuk khidmat nasihat doktor dan lima jenis ubat yang dibekalkan untuk satu bulan. Saya amat tidak puas hati dan kesal apabila hospital tidak dapat membuktikan kesahihan harga setiap ubat yang dibekalkan itu berjumlah RM223.10 seperti yang saya minta.

Lebih mengecewakan saya apabila saya diberitahu bahawa khidmat nasihat diberikan doktor selama 13 minit dikira lebih masa dan dikenakan bayaran RM60.

Saya mengakui hospital swasta memang mengenakan bayaran mahal kepada perkhidmatan yang dianggap selesa dan istimewa. Walaupun demikian, saya kira biarlah berpatutan, janganlah sewenang-wenangnya meminta bayaran tinggi yang tidak sepadan dengan khidmat yang diberi.

Pendapat berani datang, berani bayar tak sepatutnya diamalkan oleh hospital swasta.

Saya berharap keluhan dan kekesalan ini mendapat perhatian yang sewajarnya kepada semua lapisan masyarakat, khasnya pihak berkuasa agar dapat bertindak supaya perkara sebegini tidak berterusan.

Janganlah jadikan orang yang memerlukan perkhidmatan yang baik dan istimewa itu mangsa ketidakprihatinan.